

FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN PELAJAR PRAUNIVERSITI DI NEGERI SELANGOR

VIKNESHWARY A/P MUNIYANDI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

**FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN PELAJAR PRAUNIVERSITI
DI NEGERI SELANGOR**

VIKNESHWARY A/P MUNIYANDI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN
(KEPIMPINAN DAN DASAR PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

UPSMPS-3/80 32
Pind : 00 mhz 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوسني تعليمي سلطان ادرس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Silatanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah / Pendidikan

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) OGOS (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar:

Saya, VIKNESHWARY A/P MUNIYANDI, Q20171000631, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN
PELAJAR PRAUNIVERSITI DI NEGERI SELANGOR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana
hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi
maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula
daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan
dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR Madya DR RAMLEE ISMAIL (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN
PELAJAR PRAUNIVERSITI DI NEGERI SELANGOR

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institusi
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah
DOKTOR PENDIDIKAN (KEPIMPINAN DAN DASAR PENDIDIKAN) (SILA NYATAKAN
NAMA IJAZAH).

9 OGOS 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia
PM DR RAMLEE ISMAIL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: FAKTOR-FAKTOR PENGEKALAN PELAJAR PRAUNIVERSITI
DI NEGERI SELANGOR

No. Matrik /Matric's No.: Q20171000631
Saya / I: VIKNESHWARYA/P MUNIYANDI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini di simpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah /Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1-972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

9 OGOS 2022
Tarikh

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
PM DR RAMLEE ISMAIL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan rahmat dan keiznannya saya dapat menyiapkan disertasi ini dengan baik dan tepat pada masanya. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penyelia iaitu Profesor Madya Dr. Ramlee Ismail dan Profesor Madya Dr. Marinah Awang yang sentiasa memberikan bimbingan dan bantuan sehingga disertasi ini berjaya disiapkan. Jasa yang berbahagia Dr sangat dihargai dan tidak akan dilupakan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada para pensyarah yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bantuan kepada saya sepanjang tempoh pelaksanaan disertasi ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua staf akademik dan bukan akademik dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta Institusi Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberikan kerjasama terbaik dalam membantu saya menyempurnakan disertasi ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pengetua Kolej dan Pusat Tingkatan Enam serta semua pihak di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama.

Saya turut merakamkan penghargaan yang teristimewa kepada anak-anak dan suami tercinta yang berkongsi segala pengorbanan dan harapan untuk menjayakan disertasi ini. Begitu juga pemangkin semangat utama iaitu ayahanda dan bonda yang sentiasa mendoakan perjalanan pengajian serta memberikan dorongan kepada saya. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama yang diberikan.





ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara komitmen individu, integrasi akademik, integrasi sosial, komitmen institusi dan sistem pembelajaran modular dengan pengekalan pelajar prauniversiti. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan faktor peramal terbaik yang mempengaruhi pengekalan pelajar tingkatan enam. Pendekatan kajian menggunakan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Sampel kajian melibatkan 351 pelajar tingkatan enam di negeri Selangor. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah Skala Integrasi Institusi oleh Pascarella dan Terenzini. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Analisis statistik inferens yang digunakan ialah Korelasi Pearson, Ujian Khi Kuasa Dua serta regresi logistik. Dapatan kajian menunjukkan hubungan positif yang sederhana dan signifikan ($p = 0.00 < 0.01$) antara pemboleh ubah komitmen individu ($r = 0.369$), integrasi akademik ($r = 0.373$), komitmen institusi ($r = 0.355$) dan sistem pembelajaran modular ($r = 0.449$) dengan pengekalan pelajar prauniversiti. Dapatan kajian menunjukkan sistem pembelajaran modular merupakan faktor peramal terbaik bagi pengekalan pelajar yang mana nilainya adalah signifikan secara statistik iaitu ($\beta = 0.244$; $p = 0.000$) manakala faktor-faktor lain tidak menyumbang kepada pengekalan pelajar. Implikasi kajian menunjukkan sistem pembelajaran modular yang membolehkan pelajar-pelajar mengulang untuk memperbaiki keputusan peperiksaan telah menjadi faktor peramal terbaik untuk pelajar terus kekal di tingkatan enam. Kesimpulannya, pengetahuan faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti penting dalam pengurusan pengekalan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan dengan melibatkan semua pelajar tingkatan enam di Malaysia bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar.



FACTORS AFFECTING RETENTION OF PREUNIVERSITY STUDENTS IN THE STATE OF SELANGOR

ABSTRACT

The objective of this study was to determine the relationship between individual commitment, academic integration, social integration, institutional commitment, and a modular learning system with the retention of preuniversity students. This study aimed to determine the best predictor factors influencing the retention of form six students. The study approach uses quantitative with a survey design. The study sample involved 351 forms six students in the state of Selangor. The research instrument used in this study was the Institutional Integration Scale by Pascarella and Terenzini. Study data were analysed using descriptive and inferential statistics. The inferential statistical analysis used was Pearson Correlation, Chi-square Test as well as logistic regression. The findings showed that there was a moderate positive relationship and significant ($p = 0.00 < 0.01$) between the variables of individual commitment ($r = 0.369$), academic integration ($r = 0.373$), institutional commitment ($r = 0.355$) and modular learning system ($r = 0.449$) with the retention of preuniversity students. The findings also showed that the modular learning system was the best predictor factor for students' retention. The values were statistically significant ($\beta = 0.244$; $p = 0.000$) while other factors did not contribute to students' retention. The study's implications showed that a modular learning system that allows students to repeat to improve exam results had been the best predictor factor for students to remain in form six. In conclusion, knowledge of the factors influencing preuniversity students retention is important in students retention management. However, a more comprehensive study needs to be conducted involving more student data in Malaysia to obtain more accurate information on the factors influencing students' retention.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xviii

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	14
1.4	Tujuan Kajian	18
1.5	Objektif Kajian	18
1.6	Soalan Kajian	19
1.7	Hipotesis Kajian	20
1.8	Kerangka Kajian	22
1.8.1	Kerangka Teoritikal Kajian	22
1.8.2	Kerangka Konseptual Kajian	31
1.9	Definisi Operasi	33

1.10	Kepentingan Kajian	40
1.11	Batasan Kajian	43
1.12	Rumusan	45

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	46
2.2	Transformasi Pengajian Prauniversiti di Malaysia	46
2.3	Teori dan Model Pengekalan Pelajar	51
2.4	Kajian Berkaitan Faktor Pendorong Pengekalan Pelajar	74
2.5	Pemboleh Ubah Bersandar	87
2.6	Model dan Dapatan Kajian Lepas	88
2.6.1	Pembinaan dan Pengujian Model Cadangan	88
2.6.2	Pengekalan Pelajar: Kajian Lepas	91
2.6.3	Kajian Hubungan Pemboleh Ubah dan Faktor Pengekalan Pelajar	93
2.7	Jurang Kajian Pengekalan Pelajar	122
2.8	Rumusan	129

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	130
3.2	Reka Bentuk Kajian	131
3.3	Populasi dan Pensampelan Kajian	133
3.3.1	Populasi Kajian	133
3.3.2	Pensampelan Kajian	135
3.3.3	Teknik Pensampelan	137
3.4	Instrumen Kajian	140
3.5	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	146

3.6	Kajian Rintis	152
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	154
3.8	Analisis Ketekalan Dalam Kajian Sebenar	156
3.9	Taburan Data	161
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	166
3.11	Prosedur Analisis Data	166
3.11.1	Analisis Deskriptif	167
3.11.2	Analisis Inferens	167
3.11.2 (a)	Analisis Korelasi	168
3.11.2 (b)	Analisis Regresi Logistik	170
3.12	Ringkasan Analisis Statistik	173
3.13	Rumusan	174

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	176
4.2	Analisis Deskriptif	177
4.3	Analisis Inferens	187
4.3.1	Analisis Korelasi	187
4.3.2	Analisis Regresi Logistik	206
4.4	Rumusan	211

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	212
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	213
5.3	Perbincangan	214
5.3.1	Hubungan antara Pemboleh Ubah Peramal dan Pengekalan Pelajar Prauniversiti	216

5.3.2	Faktor Peramal Terbaik Pengekalan Pelajar Prauniversiti	237
5.4	Implikasi Kajian	240
5.4.1	Implikasi Teori dan Model Pengekalan Pelajar	240
5.4.2	Implikasi Praktikal kepada Organisasi Pendidikan	242
5.5	Kajian Lanjutan	252
5.6	Sumbangan Kajian	256
5.7	Penutup	258
	RUJUKAN	261
	LAMPIRAN	275

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Kolej Tingkatan Enam Mod 1 di Selangor mengikut Daerah	10
1.2	Tawaran Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2018	12
2.1	Jadual Matriks Kajian-kajian Pengekalan Pelajar	114
3.1	Enrolmen Pelajar di Kolej dan Pusat Tingkatan Enam Mengikut Mod	135
3.2	Bilangan Populasi dan Sampel Kajian	139
3.3	Bilangan Item Soalan	143
3.4	Item-item Pemboleh Ubah Komitmen Individu	143
3.5	Item-item Pemboleh Ubah Integrasi Akademik	144
3.6	Item-item Pemboleh Ubah Integrasi Sosial	144
3.7	Item-item Pemboleh Ubah Komitmen Institusi	145
3.8	Item-item Pemboleh Ubah Sistem Pembelajaran Modular	145
3.9	Item-item Pemboleh Ubah Pengekalan Pelajar	146
3.10	Kesahan Kandungan Item Instrumen	150
3.11	Julat Nilai Alfa Cronbach dan Tahap Kebolehpercayaan	153
3.12	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis	155
3.13	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	159
3.14	Jadual KMO dan Bartlett's Test Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	160
3.15	Jadual KMO dan Bartlett's Test Pemboleh Ubah Bersandar	160
3.16	<i>Collinearity Statistics</i>	164
3.17	<i>Model Summary</i>	165



3.18	Interpretasi Nilai Korelasi	169
3.19	Ringkasan Analisis Statistik	174
4.1	Profil Responden	177
4.2	Analisis Bilangan Jantina dan Bangsa mengikut Mod Sekolah	178
4.3	Analisis Jurusan mengikut Mod Sekolah	179
4.4	Analisis Gred Purata Akademik (GPA) Semester 1 dengan Mod Sekolah	179
4.5	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Komitmen Individu	181
4.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Integrasi Akademik	182
4.7	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Integrasi Sosial	183
4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Komitmen Institusi	184
4.9	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Sistem Pembelajaran Modular	185
4.10	Analisis Min dan Sisihan Piawai Item-item Pengekalan Pelajar	186
4.11	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Jantina	188
4.12	Jadual <i>Contingency Table</i> Jantina	188
4.13	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Bangsa	189
4.14	Jadual <i>Contingency Table</i> Bangsa	190
4.15	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Mod Sekolah	190
4.16	Jadual <i>Contingency Table</i> Mod Sekolah	191



4.17	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Gred Purata Akademik (GPA) Semester 1	191
4.18	Jadual <i>Contingency Table</i> Gred Purata Akademik (GPA) Semester 1	192
4.19	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Jurusan	193
4.20	Jadual <i>Contingency Table</i> Jurusan	193
4.21	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Pendapatan Isi Rumah	194
4.22	Jadual <i>Contingency Table</i> Pendapatan Isi Rumah	195
4.23	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Taraf Pendidikan Bapa/Penjaga	195
4.24	Jadual <i>Contingency Table</i> Taraf Pendidikan Bapa/Penjaga	196
4.25	Ujian <i>Pearson's Chi-Square</i> Taraf Pendidikan Ibu/Penjaga	196
4.26	Jadual <i>Contingency Table</i> Taraf Pendidikan Ibu/Penjaga	197
4.27	Analisis Korelasi Komitmen Individu	198
4.28	Analisis Korelasi Integrasi Akademik	199
4.29	Analisis Korelasi Integrasi Sosial	200
4.30	Analisis Korelasi Komitmen Institusi	201
4.31	Analisis Korelasi Sistem Pembelajaran Modular	202
4.32	Rumusan Dapatan Hipotesis H_0 (a) hingga H_0 (h)	204
4.33	Rumusan Hubungan Pemboleh Ubah Ciri Latar Belakang Individu	204
4.34	Rumusan Hubungan bagi Domain Pengekalan Pelajar	205
4.35	Rumusan Dapatan H_0 hingga H_0	205
4.36	Ujian Omnibus bagi Pekali Model Peramal	206
4.37	<i>Model Summary</i> Pemboleh Ubah Peramal	207
4.38	Jadual Klasifikasi Pemboleh Ubah Peramal	207
4.39	Analisis Regresi Logistik Pemboleh Ubah Peramal	208
4.40	Ujian Omnibus bagi Pekali Model Sistem Pembelajaran Modular	209



4.41	<i>Model Summary</i> Sistem Pembelajaran Modular	209
4.42	Jadual Klasifikasi Sistem Pembelajaran Modular	209
4.43	Analisis Regresi Logistik Sistem Pembelajaran Modular	210

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Enrolmen Berdaftar Pelajar Tingkatan Enam (2013-2018)	11
1.2	Enrolmen Pelajar Berdaftar dan Kekal di Negeri Selangor	13
1.3	Kerangka Teoritikal Kajian	25
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	33
2.1	Pencapaian Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) Nasional Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)	49
2.2	Proses Keciciran Pelajar Model Spady (1971)	60
2.3	Model Kontak Informal Pelajar Fakulti (1980)	62
2.4	Model Interaksional Tinto (1975)	64
2.5	Model Integrasi Pelajar Tinto (1993)	66

**SENARAI SINGKATAN**

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CPQ	<i>College Persistence Questionnaire</i>
CVI	<i>Content Validity Index</i>
CVR	<i>Content Validity Ratio</i>
DPK	Dasar Pendidikan Kebangsaan
GPA	Gred Purata Akademik
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
MUET	<i>Malaysian University English Test</i>
PBS	Penilaian Berasaskan Sekolah
PLM	Pendidikan Lepas Menengah
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
SPK	Sistem Pendidikan Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPK	Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia



STPM Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

VIF *Variance Inflation Factor*

SENARAI LAMPIRAN

- A Kaji Selidik Pelajar
- B Kebenaran menggunakan Soal Selidik Kajian
- C Nilai Aras Persetujuan bagi Indeks Kesahan Kandungan Item Instrumen
- D (i) Outputs SPSS (Kajian Rintis)
- D (ii) Outputs SPSS (Analisis Ketekalan Dalaman Kajian Sebenar)
- D (iii) Outputs SPSS (Analisis Ujian *Bivariate Correlations*)
- D (iv) Outputs SPSS (Analisis Faktor)
- D (v) Outputs SPSS (Analisis Deskriptif dan Inferens)
- D (vi) Outputs SPSS (Analisis Taburan Data dan Analisis Data)
- E Ringkasan Analisis Pemboleh Ubah Kajian
- F (i) Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Bahagian Perancangan dan Dasar Pendidikan (EPRD)
- F (ii) Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pendidikan Selangor
- F (iii) Surat Kebenaran Menjalankan Kajian oleh Pengetua

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pembentukan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang disebut dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan amat penting bagi melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Sistem pendidikan berkualiti mampu melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi cabaran abad ke-21.

Generasi yang ingin dihasilkan dalam abad ke-21 ialah generasi yang dapat menghadapi cabaran dalam pelbagai situasi kehidupan sebenar di samping mempunyai nilai tanggungjawab, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi selari dengan matlamat sistem pendidikan di negara kita. Sistem pendidikan negara yang mantap mampu mendidik pelajar-pelajar secara menyeluruh berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami transformasi berterusan melalui pelbagai inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). KPM telah mengambil langkah perubahan dalam sistem pendidikan negara secara menyeluruh seiring dengan standard sistem pendidikan antarabangsa yang kian meningkat.

Oleh itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 disediakan untuk meningkatkan kualiti pendidikan pada semua peringkat. Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah menggariskan enam aspirasi murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional bagi membolehkan pelajar berupaya untuk bersaing di peringkat global.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga sentiasa berusaha untuk menyediakan peluang-peluang pendidikan yang terbaik, bersesuaian dan berketepatan dengan keperluan semasa daripada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan lepas menengah serta di institusi pengajian tinggi. Justeru, seiring dengan perubahan dalam Dasar Pendidikan Negara, maka berlaku perubahan dalam Dasar Pendidikan Lepas Menengah.

Dasar Pendidikan Lepas Menengah melalui Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan pendidikan lepas menengah bererti pendidikan yang disediakan untuk seseorang individu yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah atas tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016). Pendidikan tingkatan enam merupakan pendidikan lepas menengah yang dilaksanakan di sekolah

menengah bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017).

Perubahan dalam dasar pendidikan negara dipandu arah berdasarkan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK). Dasar yang telah digubal ini menjadi teras dan tunjang utama bagi menentukan hala tuju sistem pendidikan negara. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang dilaksanakan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK) telah memperuntukkan tiga teras utama iaitu penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar utama, kurikulum yang sama iaitu Kurikulum Kebangsaan dan menduduki peperiksaan yang sama (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017). Justeru, segala perubahan dalam dasar pendidikan negara pada masa kini melalui sistem pendidikan dilakukan mengikut tuntutan semasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami transformasi pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menerusi sebelas anjakan transformasi sistem bagi membolehkan sistem pendidikan negara mampu diletakkan dalam kelompok sepertiga teratas dalam kalangan negara-negara yang mempunyai sistem pendidikan terbaik dunia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berusaha menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa melalui anjakan pertama yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia



(PPPM) 2013-2025. Pengenalan kepada sistem kurikulum baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2013 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017 merupakan antara langkah drastik dalam melakukan transformasi pendidikan bagi merealisasikan anjakan pertama ini. Justeru, perancangan dan pembangunan kurikulum yang telah dilaksanakan dengan teliti ini adalah untuk memastikan kurikulum bukan sahaja relevan dengan keperluan semasa tetapi juga berkualiti bagi meningkatkan daya saing negara.

Transformasi pendidikan yang dilakukan pada semua peringkat pendidikan ini telah menyebabkan struktur pendidikan lepas menengah iaitu pengajian prauniversiti juga mengalami perubahan selari dengan aspirasi pemantapan sistem pendidikan. Penjenamaan semula Tingkatan Enam melalui Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dilaksanakan pada tahun 2012. Sesi pengambilan tahun 2012/2013 merupakan kohort pertama dan kohort ini telah menduduki peperiksaan penggal pertama pada bulan November 2012 (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018).

Objektif utama penjenamaan semula Tingkatan Enam adalah untuk meningkatkan taraf pendidikan ke arah yang lebih tinggi bagi memastikan pelajar-pelajar lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mempunyai nilai kebolehpasaran tinggi bagi mendokong aspirasi nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Penjenamaan Semula Tingkatan Enam oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dilaksanakan untuk memperkasa pendidikan tingkatan enam melalui



peningkatan imej dan kualiti pendidikan setaraf dengan pendidikan lepas menengah yang lain (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016). Ia juga bertujuan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan tingkatan enam (PPPM, 2013).

Peningkatan imej dilaksanakan melalui etika pemakaian manakala peningkatan kualiti dilaksanakan dengan memperkenalkan konsep pemusatan tingkatan enam berdasarkan mod pengajian, sistem pentaksiran kurikulum dan kokurikulum baharu, pembangunan kemahiran insaniah dan bakat kepimpinan serta menambah baik infrastruktur sekolah bagi mewujudkan persekitaraan pembelajaran yang kondusif (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016).

Seiring dengan perubahan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), rombakan dalam sistem peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan bagi mencapai aspirasi anjakan pertama ini juga dilaksanakan. Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) diwujudkan untuk meningkatkan tumpuan kepada kemahiran berfikir dan penilaian secara holistik.

SPPK dilaksanakan bagi menggantikan sistem lama yang berbentuk penilaian dalam ujian dan peperiksaan semata-mata manakala pentaksiran baharu ini lebih bersifat holistik. Sistem pentaksiran di prauniversiti juga telah mengalami perubahan sesuai dengan tuntutan semasa iaitu perubahan daripada sistem terminal kepada sistem modular (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016).

Kemahiran kognitif, kemahiran manipulatif dan kemahiran insaniah diterapkan dalam sistem pentaksiran modular. Pelajar perlu dibekalkan dengan

kemahiran insaniah kerana kemahiran ini meliputi kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan, pemikiran kritis, pengurusan maklumat serta etika dan moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Tempoh pengajian dalam sistem modular di peringkat prauniversiti adalah selama 1½ tahun yang merangkumi tiga (3) semester. Semester 1 bermula dari bulan Mei hingga November manakala Semester 2 bermula dari bulan Januari hingga Mei tahun berikutnya. Semester 3 pula bermula dari bulan Mei hingga November pada tahun yang sama dan secara keseluruhannya merangkumi 1½ tahun. Tempoh pengajian selama 1½ tahun ini termasuk 72 minggu melibatkan pengajaran dan pembelajaran, kerja kursus dan peperiksaan semester (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016).

Berdasarkan Sistem Pentaksiran Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mengikut sistem terminal dahulu, penilaian pelajar hanya tertumpu kepada penilaian berorientasikan peperiksaan iaitu pelajar akan menduduki peperiksaan selepas satu setengah tahun pengajian. Keseluruhan pencapaian pelajar adalah berasaskan peperiksaan berpusat iaitu STPM. Manakala, dalam sistem pentaksiran baharu iaitu dalam sistem modular pula keputusan keseluruhan peperiksaan STPM ditentukan berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga peperiksaan semester (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018).

Sistem Pentaksiran Baharu STPM terbahagi kepada dua bentuk penilaian iaitu penilaian berdasarkan peperiksaan akhir dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018). Peperiksaan akhir dijalankan sebanyak tiga kali



dalam tempoh tiga semester pengajian. Peperiksaan ini dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan PBS dimasukkan dalam penentuan pencapaian prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir mengikut nilai wajaran tertentu. Pelajar yang gagal atau mendapat keputusan kurang memuaskan boleh mengambil peperiksaan ulangan. Peperiksaan ulangan dijalankan sejurus selepas peperiksaan semester tiga dijalankan. Pelajar boleh mengambil peperiksaan ulangan sekali lagi bagi mata pelajaran yang didaftarkan bagi kertas-kertas semester satu dan semester dua sahaja untuk memperbaiki gred. Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dalam peperiksaan STPM diperoleh setelah pelajar mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan setiap semester.

Aspek pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran juga mengalami perubahan bagi menarik lebih ramai pelajar memilih peringkat pengajian prauniversiti. Justeru, transformasi pengajian prauniversiti merupakan antara agenda penting kementerian dalam PPPM (2013-2025) melalui perubahan kurikulum daripada sistem terminal kepada sistem modular. Perubahan kepada sistem persekolahan prauniversiti ini sebenarnya merupakan strategi untuk menaikkan taraf kualiti pendidikan prauniversiti seiring dengan perubahan dalam Dasar Pendidikan Negara.

Strategi secara berperingkat-peringkat yang dilakukan ini telah dilaksanakan dengan memperkenalkan konsep pemusatan prauniversiti berdasarkan mod pengajian. Konsep pemusatan prauniversiti berdasarkan mod pengajian dilaksanakan melalui mod sekolah di mana sekolah-sekolah dikelompokkan kepada tiga mod pengajian iaitu Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dan Pusat Tingkatan Enam (Mod 3) (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016). Sekolah Mod Satu (1)





dinamakan sebagai Kolej Tingkatan Enam (Mod 1). Ini bermakna sekolah-sekolah Mod 1 mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas yang menempatkan hanya pelajar-pelajar Tingkatan Enam sahaja dan diajar oleh guru-guru akademik yang telah dilantik sebagai guru Tingkatan Enam.

Bagi Mod 2 pula, ia dikenali sebagai Pusat Tingkatan Enam (Mod 2). Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) melibatkan sekolah-sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas dan beroperasi di sekolah arus perdana tetapi di blok atau bangunan yang berasingan dengan pelajar-pelajar dan pentadbiran arus perdana. Mod 3 pula merujuk kepada Pusat Tingkatan Enam (Mod 3) merupakan sekolah yang mempunyai kurang daripada 12 kelas atau sekolah yang jauh daripada bandar, tiada kemudahan asrama atau pengangkutan awam dan beroperasi di bawah pentadbiran sekolah arus perdana dalam premis yang sama (Pengurusan Tingkatan Enam, 2016).

Sejak tahun 2014, berlaku perubahan dalam penstrukturan sekolah-sekolah mengikut mod pengajian menjadi Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam. Inisiatif perluasan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dan Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) ini telah dilaksanakan bermula tahun 2014 dan diteruskan sehingga tahun 2025. Sehingga tahun 2017, sebanyak 14 Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), 78 buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dan 538 buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 3) telah beroperasi di Malaysia (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2017).

Data tersebut menunjukkan bilangan Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam Mod 3 masih banyak dan masih beroperasi sehingga ke akhir





Gelombang Kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2016-2020. Keadaan ini amat berbeza dengan bilangan pendidikan lepas menengah yang lain iaitu matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru. Sebanyak 15 buah matrikulasi dan 27 buah kampus Institut Pendidikan Guru beroperasi di Malaysia (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2018).

Justeru, bilangan Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Mod 3 yang masih banyak ini perlu dijadikan Kolej Tingkatan Enam Mod 1 dengan kadar segera secara berperingkat-peringkat supaya mampu bersaing dengan pendidikan lepas menengah yang lain di Malaysia terutamanya dari segi kadar pengekalan pelajar di institusi pengajian prauniversiti di Malaysia amnya dan di negeri Selangor khususnya.



empat (4) buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 2) dan 35 buah Pusat Tingkatan Enam (Mod 3) (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2017). Walaubagaimanapun, sehingga awal tahun 2020, hanya berlaku pertambahan sebanyak tiga (3) buah Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) di tiga (3) buah daerah sahaja. Daerah-daerah berkenaan ialah daerah Petaling Perdana, Petaling Utama dan Kuala Selangor di negeri Selangor dengan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak tujuh (7) buah Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.



Jadual 1.1

Kolej Tingkatan Enam Mod 1 di Selangor mengikut Daerah

No	Nama Daerah	Bilangan Kolej
1	Gombak	-
2	Hulu Langat	-
3	Klang	1
4	Kuala Langat	-
5	Petaling Perdana	2
6	Petaling Utama	2
7	Sabak Bernam	1
8	Sepang	-
9	Hulu Selangor	-
10	Kuala Selangor	1
Jumlah		7 buah kolej

Sumber: Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2018)

Sebenarnya, pelajar yang telah menamatkan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh memilih pelbagai pilihan pendidikan lepas menengah yang menyediakan laluan kemasukan ke program ijazah pertama di institusi pengajian tinggi.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pelbagai pilihan untuk pendidikan lepas menengah supaya mempunyai asas yang kukuh sebagai persediaan pada peringkat tertiar (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2017). Namun, persaingan yang hebat daripada institusi pendidikan lepas menengah yang lain menyebabkan pengajian prauniversiti ini mengalami cabaran besar terutamanya dari segi bilangan pengekalan pelajar sehingga tamat pengajian.

Menurut sumber Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM (2012), bilangan pelajar yang meneruskan pengajian di tingkatan enam semakin berkurangan daripada tahun 2007 hingga tahun 2011 iaitu sebelum sistem pentaksiran baharu, sistem



modular diperkenalkan. Sebagai contohnya, pada tahun 2007 pelajar yang berada di tingkatan enam atas adalah seramai 105,796 orang dan merosot pada tahun 2011 dengan bilangan pelajar di tingkatan enam atas hanya seramai 48,143 orang.

Kemerosotan bilangan pelajar hampir 109.8% ini menunjukkan bahawa bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pengajian di tingkatan enam bukan sebagai pilihan utama dalam pendidikan prauniversiti. Rentetan daripada senario ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha memartabatkan pendidikan tingkatan enam dengan mewujudkan satu garis panduan baharu dalam pengurusan tingkatan enam seperti yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian pada tahun 2012.



pelajar dalam meningkatkan enrolmen dilaksanakan pada tahun 2013 (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Namun, enrolmen berdaftar pelajar tingkatan enam dari tahun 2013 sehingga tahun 2018 masih juga menunjukkan pola tidak konsisten iaitu pola turun, naik dan turun semula seperti yang diperincikan dalam Rajah 1.1 akibat aliran keluar pelajar selepas mendaftar kerana menerima pelbagai tawaran daripada program pendidikan lepas menengah lain dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).





Rajah 1.1. Enrolmen Berdaftar Pelajar Tingkatan Enam (2013-2018) (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2018)

Berdasarkan Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia pada tahun 2018 pula, seramai 190,401 (46%) calon lepasan SPM 2017 dari setiap negeri telah ditawarkan untuk menyambung pengajian ke Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam di seluruh negara seperti dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2

Tawaran Kemasukan Pelajar Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2018


Bilangan Pelajar SPM 2017	Bilangan Layak Sijil SPM 2017	Tawar Tingkatan Enam 2018
100%	86%	46%
415,000 orang	358,671 orang	190,401 orang

Sumber: Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2018)

Namun, sehingga November 2018, hanya 91,446 (48%) sahaja pelajar yang telah melaporkan diri bagi pengajian di Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam di Malaysia (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia,

2018). Manakala, seramai 98,955 pelajar tidak memilih untuk meneruskan pengajian di tingkatan enam.

Di negeri Selangor sahaja, pada tahun 2018 hanya seramai 3960 pelajar masih kekal di tingkatan enam berbanding 5004 pelajar Semester 1 yang berdaftar. Pada tahun 2019 pula, seramai 4375 pelajar masih kekal di tingkatan enam berbanding 5259 pelajar Semester 1 yang berdaftar. Manakala pada tahun 2020 pula, seramai 3960 pelajar sahaja yang masih kekal berbanding 5410 pelajar Semester 1 yang berdaftar (Jabatan Pendidikan Selangor, 2020). Walaubagaimanapun, dalam kalangan pelajar yang mendaftar ini masih terdapat segelintir pelajar walaupun jumlah pengekalan menurun seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 tetapi masih terus kekal di institusi pengajian prauniversiti ini disebabkan oleh pelbagai faktor.



Rajah 1.2. Enrolmen Pelajar Berdaftar dan Kekal di Negeri Selangor

Persoalan yang timbul adalah walaupun berlaku penurunan pelajar setiap tahun dari segi pengekalan pelajar di kolej-kolej dan di pusat-pusat tingkatan enam

namun, masih terdapat pelajar-pelajar yang masih terus kekal di peringkat pengajian prauniversiti ini sehingga bergraduan disebabkan oleh pelbagai faktor.

Apakah faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti supaya terus kekal di institusi pengajian prauniversiti? Justeru, dalam kajian ini pelbagai faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar perlu diketahui secara lebih mendalam bagi merancang strategi pengekalan pelajar di institusi pengajian prauniversiti secara berkesan pada masa hadapan. Oleh itu, pelbagai faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar perlu dibuat penelitian dengan lebih lanjut lagi agar kadar pengekalan pelajar di peringkat prauniversiti dapat ditingkatkan.

Memang tidak dinafikan bahawa transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia telah membawa kepada pelbagai perubahan tidak kira pada peringkat sekolah rendah, menengah, lepas menengah mahupun di pengajian tinggi. Namun, pelbagai pembaharuan dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan tidak akan berjaya sepenuhnya seperti yang dihasratkan sekiranya berlaku kegagalan dalam transformasi yang dilaksanakan.

Bermula tahun 2013 yang lalu, pelaksanaan penjenamaan semula tingkatan enam melalui Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) telah dilaksanakan. Namun, pembaharuannya tidak dikatakan berjaya sepenuhnya seperti yang dihasratkan terutamanya dalam usaha

meningkatkan enrolmen pelajar kerana enrolmen berdaftar pelajar prauniversiti dari tahun 2013 sehingga tahun 2018 masih juga menunjukkan pola tidak konsisten iaitu pola turun, naik dan turun semula (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2018). Aliran keluar pelajar sejourus sahaja mendaftar akibat pelbagai tawaran yang diterima daripada Program Pendidikan Lepas Menengah lain dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menunjukkan bahawa dalam kalangan pelajar yang mendaftar ini masih terdapat segelintir pelajar walaupun jumlah pengekalannya semakin menurun tetapi masih terus kekal di institusi pengajian prauniversiti (Jabatan Pendidikan Selangor, 2020).

Fenomena pengekalannya pelajar menjadi kebimbangan utama bagi institusi pendidikan dan para pendidik, namun teori dan model dengan kajian sistematik juga kurang dibangunkan sehingga awal 1970an (Berger, Ramirez, & Lyon, 2012). Kajian berkaitan dengan faktor-faktor pengekalannya pelajar di institusi pengajian terutamanya di Malaysia masih kurang diberikan perhatian penting sehingga kini dan kajian-kajian berkaitan dengannya juga masih berada pada peringkat awal (William, Choong, Eoh, Lee, & Tan, 2013).

Kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor pengekalannya pelajar prauniversiti ada dijalankan di Malaysia (Liau, 1998). Namun, kajian tersebut dijalankan sebelum penjenamaan semula tingkatan enam melalui Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Selain itu, kebanyakan kajian-kajian berkaitan faktor-faktor pengekalannya pelajar di institusi pengajian hanya dijalankan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (William et al., 2013; Carter & Yeo, 2016; Nooraini Youp, 2018; Roslan Mohd Rose, Haliza Mohd Said, &



Gayatri Anbalagan, 2018). Namun, masih tiada lagi kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor pengekalan pelajar dijalankan terutamanya melibatkan pelajar-pelajar prauniversiti di Malaysia. Oleh sebab itu, kajian-kajian berkaitan dengan faktor-faktor pengekalan pelajar prauniversiti amat diperlukan dalam sistem pendidikan di negara kita yang sedang mengalami proses transformasi pendidikan yang pesat.

Isu-isu atau persoalan berkaitan dengan faktor-faktor pengekalan pelajar dan hubungan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian dengan pengekalan pelajar telah berkembang dari semasa ke semasa terutamanya di luar negara. Secara spesifik, penyelidikan terdahulu lebih memfokus kepada mengkaji hubungan antara jantina (Hafer, Gibson, York, Fiester & Temunhu, 2018; Freeman, 2018; Woods, 2016; Ross, 2012), bangsa (Woods, 2016; Hafer et al., 2018; Freeman, 2018), sosio ekonomi keluarga (Braxton, Doyle, Hartley, Hirschy, Jones, & McLendon, 2014), pendidikan ibu bapa (Bowen, Rajasinghe, Evans, Rose, & Pilkington, 2018), Gred Purata Akademik (GPA) (Freeman, 2018; Pascarella & Terenzini, 2005; Swafford, 2018; Ross, 2012; Lou, Bland, Stiffler, & Will, 2020), jurusan akademik (Pellew, 2016), jenis institusi (Ertem & Gokalp, 2020), komitmen individu (Dalangin, 2018; Morrison & Silverman, 2012; Roslan Mohd Rose et al., 2018), integrasi akademik (Xu & Webber, 2016), integrasi sosial (Phekni, 2018; Xu & Webber, 2016; Lou et al., 2020) dan komitmen institusi (Chrysikos, Ahmed, & Ward, 2017; Muller, Nyman, Squadere, Feuer, Sokolowski, & Rotella, 2017) dengan pengekalan pelajar. Kajian yang menganalisis dua pemboleh ubah ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi kekurangan sumber maklumat yang berkaitan.



Literatur pengekaln pelajar juga telah mengenal pasti pelbagai faktor yang mempengaruhi pengekaln pelajar. Antara faktornya ialah jantina (Woods, 2016; Ross, 2012; Hafer et al., 2018), bangsa (Woods, 2016), sosio ekonomi keluarga (Woods, 2016), integrasi sosial (Woods, 2016), komitmen institusi (Perkins & Holtsclaw, 2018), Gred Purata Akademik (GPA) (Freeman, 2018; Ross, 2012; Swafford, 2018). Malangnya, tiada kajian-kajian berkaitan dalam menguji hubungan antara setiap pemboleh ubah kajian serta faktor-faktor pengekaln pelajar dalam kalangan pelajar-pelajar prauniversiti bagi konteks Malaysia dapat dilihat dengan ketara.

Justeru, akibat tiada kajian-kajian empirikal berkaitan melibatkan pelajar-pelajar prauniversiti ini, maka diharapkan kajian ini dapat memberikan gambaran dan maklumat dengan lebih jelas. Sehubungan itu, kurangnya kajian-kajian berkaitan yang melibatkan pelajar-pelajar prauniversiti khususnya bagi konteks kajian Malaysia menjadi pencetus kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Kesimpulannya, terdapat keperluan bagi pengkaji untuk melaksanakan kajian berkaitan dalam menguji hubungan antara setiap pemboleh ubah kajian dan faktor-faktor pengekaln pelajar bagi mengatasi masalah kekurangan sumber maklumat berkaitan dengannya. Kajian ini juga dapat menyumbang kefahaman kepada para penyelidik tentang potensi kajian ini dijalankan di Malaysia memandangkan kurangnya kajian-kajian berkenaan. Justeru, adalah perlu bagi pengkaji melaksanakan kajian berhubung perkara tersebut di institusi pengajian prauniversiti.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara ciri latar belakang individu, komitmen individu, integrasi akademik, integrasi sosial, komitmen institusi dan sistem pembelajaran modular dengan pengekalan pelajar prauniversiti. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan faktor peramal terbaik yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tujuh objektif kajian seperti berikut:

- 1.5.1 Menentukan hubungan antara faktor ciri latar belakang individu dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- 1.5.2 Menentukan hubungan antara faktor komitmen individu dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- 1.5.3 Menentukan hubungan antara faktor integrasi akademik dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- 1.5.4 Menentukan hubungan antara faktor integrasi sosial dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- 1.5.5 Menentukan hubungan antara faktor komitmen institusi dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- 1.5.6 Menentukan hubungan antara faktor sistem pembelajaran modular dan pengekalan pelajar prauniversiti.

1.5.7 Menentukan faktor peramal terbaik yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti.

1.6 Soalan Kajian

Kajian yang dijalankan untuk dapat menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut :

1.6.1 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ciri latar belakang individu dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.1 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.2 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bangsa dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara mod sekolah dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara Gred Purata Akademik (GPA) Semester 1 dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jurusan dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.6 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.7 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan bapa/penjaga dan pengekalan pelajar prauniversiti?

1.6.1.8 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan ibu/penjaga dan pengekalan pelajar prauniversiti?

- 1.6.2 Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor komitmen individu dan pengekalan pelajar prauniversiti?
- 1.6.3 Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor integrasi akademik dan pengekalan pelajar prauniversiti?
- 1.6.4 Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor integrasi sosial dan pengekalan pelajar prauniversiti?
- 1.6.5 Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor komitmen institusi dan pengekalan pelajar prauniversiti?
- 1.6.6 Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor sistem pembelajaran modular dan pengekalan pelajar prauniversiti?
- 1.6.7 Apakah faktor peramal terbaik yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti?

1.7 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian dan soalan kajian ini, maka hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- H₀₁* Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor ciri latar belakang individu dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- H_{01(a)}* Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan pengekalan pelajar prauniversiti.
- H_{01(b)}* Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bangsa dan pengekalan pelajar prauniversiti.

H_{01(c)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara mod sekolah dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H_{01(d)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Gred Purata Akademik (GPA) Semester 1 dan pengekaln pelajar prauniversiti di negeri Selangor.

H_{01(e)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jurusan dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H_{01(f)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H_{01(g)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan bapa/penjaga dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H_{01(h)} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan ibu/penjaga dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₂ Tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor komitmen individu dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₃ Tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor integrasi akademik dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₄ Tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor integrasi sosial dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₅ Tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor komitmen institusi dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₆ Tidak terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor sistem pembelajaran modular dan pengekaln pelajar prauniversiti.

H₀₇ Tidak terdapat pengaruh faktor peramal terbaik ke atas pengekaln pelajar prauniversiti.



1.8 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merujuk kepada struktur idea yang abstrak dan logik bagi memandu perancangan, pelaksanaan dan pelaporan sesuatu kajian. Kerangka kajian lebih menumpukan kepada penjelasan terhadap kerangka teoritikal kajian dan konseptual kajian yang saling berkait.

1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal merupakan panduan kepada aktiviti kajian berpandukan teori yang menjadi dasar. *Tinto's Interactionalist Model* (1975) atau Model Interaksional



Tinto (1975) merupakan model hasil aplikasi '*The Classical Sociological Theory*'

atau Teori Sosiologikal Klasik. Model Interaksional Tinto (1975) ini diasaskan oleh Vincent Tinto yang hanya menekankan aspek egotistik sahaja dalam kajiannya dengan mengambil sebahagian daripada intipati kajian '*Durkheim's Theory of Suicide*' (1951) atau Teori Bunuh Diri Durkheim (1951).

Namun begitu, Model Interaksional Tinto (1975) telah mengalami perkembangan sejak dua dekad penerbitannya setelah diperluaskan kajian dan akhirnya dengan kemunculan '*Tinto's Student Integration Model*' (1993) atau Model Integrasi Pelajar Tinto (1993). Justeru, model ini merupakan model yang digunakan sebagai asas kepada pembinaan model pengekalan pelajar prauniversiti.



Rasional pemilihan Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) ini adalah kerana model ini sesuai dari segi reka bentuknya dan praktikal dalam menyiasat faktor pengekalan pelajar di kolej dan universiti (Kerby, 2015, Tight, 2019; Manyanga, Sithole, & Hanson, 2017). Menurut French (2017), Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) digunakan secara meluas dan dianggap sebagai kerangka utama dalam kajian pengekalan pelajar. Menurut Tight (2019) pula, penyelidikan yang luas dalam 40 tahun terakhir telah dipengaruhi oleh model Tinto (1993).

Berger dan Braxton (1998) menyatakan bahawa Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) telah menjadi tumpuan banyak penyelidikan empirikal dan mempunyai status hampir paradigmatic dalam kajian pengekalan pelajar. Versi Tinto (1993) yang diubah suai daripada model asal Tinto (1975) telah diuji oleh penyelidik lain dalam kajian yang serupa di Amerika Syarikat (Braxton, Vesper, & Hossler, 1995; Brunnsden, Davies, Shevlin, & Bracken, 2000).


Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) ini juga telah dibina hasil daripada perkembangan dan penyesuaian pemboleh ubah yang relevan dengan kajian semasa berdasarkan model-model terdahulu seperti '*The Undergraduate Dropout Process Model*' (Spady, 1971) atau Proses Keciciran Pelajar Model Spady (Spady, 1971), Model Interaksional Tinto (1975) dan '*The Student-Faculty Informal Contact Model*' (Pascarella, 1980) atau Model Kontak Informal Pelajar Fakulti (Pascarella, 1980).

Walaupun selepas kemunculan Model Tinto (1993) ini, banyak kajian berkaitan dijalankan sehingga kemunculan model baharu dalam kajian pengekalan pelajar seperti '*The Student Retention Integrated Model*' atau Model Bersepadu

Pengekalan Pelajar (Cabrera, Nora, & Castaneda, 1993). Namun, Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) paling dipetik dalam kajian-kajian kerana model ini merupakan model yang paling menonjol dalam kajian pengekalan pelajar dan menyediakan kerangka teoritikal bagi memahami tingkah laku pelajar (Aljohani, 2016; Demetriou & Schmitz-sciborski, 2011; Berling 2010; Metz, 2005).

Tinto dan Pusser (2006) pula melaporkan bahawa walaupun terdapat banyak kajian dan model-model baharu yang ada berkaitan dengan pengekalan pelajar, namun model-model berkenaan masih belum menghasilkan satu perkembangan yang cukup berkesan lagi dalam program pengekalan pelajar sehingga kini. Justeru, model pengekalan pelajar oleh Vincent Tinto iaitu Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) merupakan model yang disandarkan dalam kajian ini.

Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1.3 menyediakan satu kerangka bagi memahami tentang keputusan pengekalan pelajar di institusi pengajian yang didaftarkan berdasarkan faktor-faktor tertentu.



Rajah 1.3. Kerangka Teoritikal Kajian

Menurut Tinto (1993), apabila seseorang pelajar memasuki institusi pengajian yang didaftarkan membawa bersama-sama satu set ciri atribut kemasukan. Atribut kemasukan menggabungkan ciri latar belakang pelajar seperti jantina dan bangsa. Ciri latar belakang keluarga pula termasuk peringkat pendidikan ibu bapa dan status sosio ekonomi keluarga. Seterusnya, kemahiran dan kebolehan seperti kelayakan dan pencapaian serta persekolahan terdahulu.

Menurutnya lagi, apabila kesemua ciri ini bergabung, pelajar membawa kepada satu set matlamat dan komitmen awal untuk sama ada menyokong atau mempunyai pengaruh negatif ke atas niat pelajar. Matlamat dan komitmen awal ini membolehkan seseorang pelajar membuat keputusan sama ada terus kekal sehingga bergraduan atau sebaliknya kerana menyedari apa yang perlu dicapai pada tahun pertama pengajian (Tinto, 1993). Tinto (1993) juga mentakrifkan matlamat dan komitmen ini sebagai tahap jangkaan dan harapan yang dipegang melalui cara individu berinteraksi di persekitaran institusi pengajian.

Menurut Tinto (1993), pengalaman di suatu institusi pengajian terdiri daripada dua sistem iaitu sistem akademik dan sistem sosial yang berbentuk formal dan informal. Pelajar perlu disatukan ke dalam kedua-dua sistem tersebut untuk terus berada di institusi pengajian yang didaftarkan. Menurutnya, sistem akademik ditentukan terutamanya melalui prestasi akademik dan interaksi bersama-sama ahli fakulti atau staf yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam bidang akademik. Sistem sosial pula dilihat melalui sejauh mana kualiti interaksi dengan kumpulan rakan sebaya dan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.



Model ini juga menerangkan bentuk pengekalan yang dijangkakan dan terhasil menerusi integrasi akademik dan integrasi sosial. Pengalaman pelajar di institusi pengajian melalui integrasi akademik dan integrasi sosial dapat terus mengubahnya sama ada melemahkan atau mengukuhkan matlamat dan komitmen seterusnya bagi membuat keputusan untuk terus berada atau meninggalkan institusi pengajian yang didaftarkan (Tinto, 1993). Seseorang individu dikatakan dapat melalui proses integrasi sekiranya dapat menggabungkan nilai dan norma persekitaraan kolej ke dalam sistem nilai sendiri. Tinto (1993) juga menyatakan matlamat dan komitmen institusi sebagai apa jua komponen institusi yang memberikan sokongan akademik kepada pelajar-pelajar. Semakin tinggi tahap komitmen terhadap dan daripada institusi, semakin tinggi kemungkinan pelajar terus kekal di institusi pengajian berkenaan.



Oleh itu, model Integrasi Pelajar Tinto (1993) ini merangkumi faktor-faktor yang dipercayai mempengaruhi pengekalan pelajar. Namun begitu, oleh kerana sistem pendidikan adalah suatu yang kompleks, keberkesanan faktor-faktor pengekalan pelajar ini bergantung kepada sejauh mana peranan pelajar dengan sokongan ibu bapa, rakan sebaya, guru, pihak pentadbir dan ahli fakulti dalam usaha mempengaruhi keputusan pengekalannya di institusi pengajian. Justeru, berdasarkan Model Tinto (1993) apa yang dapat dirumuskan ialah kesepaduan kesemua faktor seperti yang dibincangkan ini dapat membantu keputusan pengekalan seseorang pelajar di institusi pengajian dan huraian berkaitan juga diperincikan dengan lebih spesifik pada bahagian 2.3 dan 2.4 dalam kajian ini.



Dalam tinjauan literatur beberapa dekad yang lalu, pelbagai dimensi pengekalan pelajar di institusi pengajian telah digunakan berdasarkan model ini. Namun begitu, kajian ini memfokuskan kepada beberapa dimensi pengekalan pelajar yang telah dirungkaikan dalam Model Integrasi Pelajar Tinto (1993) serta dalam penyelidikan lalu yang mana banyak memfokuskan kepada memahami ciri atribut kemasukan pelajar ke institusi pengajian. Ciri atribut kemasukan telah digambarkan sebagai ciri-ciri individu yang dimiliki sebelum memasuki sesuatu institusi pengajian (Perkins & Holtsclow, 2018).

Berdasarkan tinjauan literatur juga, sebilangan penyelidik merujuk atribut kemasukan dengan dimensi yang serupa dengan Model Tinto (1993) tetapi ada yang berbeza yang mana atribut kemasukan dirujuk sebagai faktor demografi (Swafford, 2017; Pellew, 2016; Dalangin, 2018; Cox, 2013; Ross, 2012; Demetriou & Schmitz-sciborski, 2011), ciri latar belakang (Woods, 2016; Chrysikos et al., 2017), ciri pelajar (Hafer et al., 2018; Freeman, 2018; Phekni, 2018), faktor pra kolej (Kerby, 2015) dan ciri kemasukan pelajar (Braxton et al., 2014). Penemuan ulasan ini selaras dengan Phekni (2018) yang menyatakan dimensi atribut kemasukan telah ditentukan dan diukur dengan pelbagai cara.

Literatur pengekalan pelajar telah mengenal pasti pelbagai faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar di institusi pengajian seperti yang diperincikan pada bahagian 2.4 kajian ini. Secara spesifik, berdasarkan faktor-faktor yang dikenal pasti ini faktor peramal yang menunjukkan signifikan secara statistik dalam meramalkan pengekalan pelajar adalah bagi jantina (Woods, 2016; Ross, 2012; Hafer et al., 2018), bangsa (Woods, 2016), sosio ekonomi keluarga (Woods, 2016), integrasi

sosial (Woods, 2016), komitmen institusi (Perkins & Holtsclaw, 2018), Gred Purata Akademik (GPA) (Freeman, 2018; Ross, 2012; Swafford, 2018). Kajian pengekaln pelajar mempunyai dapatan yang bervariasi berkaitan dengan jantina dengan beberapa kajian menunjukkan peningkatan kadar pengekaln pelajar bagi pelajar perempuan (Woods, 2016) sementara kajian lain telah menunjukkan kadar yang lebih tinggi bagi pelajar lelaki (Cox, 2013; Pellew, 2016). Dapatan kajian yang berbeza-beza ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor yang menjadi dasar.

Penyelidikan terdahulu juga telah mengkaji hubungan antara setiap pemboleh ubah yang dikenal pasti dalam kajian pengekaln pelajar dan hubungan signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah berdasar adalah suatu yang tidak asing lagi bagi jantina (Hafer et al., 2018; Freeman, 2018; Woods, 2016, Ross, 2012), bangsa (Woods, 2016; Hafer et al., 2018; Freeman, 2018), sosio ekonomi keluarga (Braxton et al., 2014) dan pendidikan ibu bapa (Bowen et al., 2018) dengan pengekaln pelajar. Kesemua dapatan kajian ini dipercayai mempunyai hubungan langsung dengan pengekaln pelajar kolej dan universiti.

Pola yang sama dapat dilihat bagi kemahiran dan kebolehan seperti kelayakan dan pencapaian yang mana diukur melalui Gred Purata Akademik (GPA) dalam kebanyakan literatur pengekaln pelajar (Freeman, 2018; Pascarella & Terenzini, 2005; Swafford, 2018; Ross, 2012) serta gred persekolahan terdahulu yang diukur melalui purata mata gred keseluruhan sekolah menengah (Freeman, 2018). Kedua-dua pemboleh ubah ini turut dipercayai mempunyai hubungan langsung dan hubungan yang signifikan dengan pengekaln pelajar.

Selanjutnya, hubungan langsung antara penawaran kursus dan jurusan akademik serta jenis institusi yang didaftarkan dengan pengekalan pelajar dipercayai wujud berdasarkan dapatan literatur terdahulu. Secara spesifik, literatur terdahulu menunjukkan terdapatnya hubungan langsung antara penawaran kursus (Noel-Levitz, 2011; Hutto, 2015; Nooraini Youp, 2018), jurusan akademik (Pellew, 2016) dan jenis institusi (Ertem & Gokalp, 2020) dengan pengekalan pelajar. Kesemua pemboleh ubah ini merupakan antara cadangan penyelidik lalu supaya menggunakannya sebagai pemboleh ubah dalam kajian pengekalan pelajar kerana dipercayai wujud perkaitan antaranya (Wild & Ebbers, 2002; Phekni, 2018).

Komitmen individu dipercayai dapat meningkatkan pengekalan pelajar seperti mana yang ditunjukkan dalam kajian terdahulu yang mengaitkannya dengan tujuan pembelajaran dan pengijazahan (Dalangin, 2018) dan cara individu memberikan komitmen untuk mencapai matlamat pendidikan (Morrison & Silverman, 2012). Hubungan langsung faktor ini dengan pengekalan pelajar dapat dilihat melalui literatur terdahulu (Roslan Mohd Rose et al., 2018). Literatur terdahulu juga menerangkan bentuk pengekalan yang dijangkakan dan terhasil menerusi integrasi akademik dan integrasi sosial di samping mengukuhkan terdapatnya hubungan langsung antara kedua-dua faktor ini dengan pengekalan pelajar (Xu & Webber, 2016; Lou et al., 2020). Berdasarkan literatur terdahulu juga pemboleh ubah komitmen institusi (Chrysikos et al., 2017) menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan dengan pengekalan pelajar.

Rombakan dalam sistem peperiksaan dan pentaksiran melalui sistem pembelajaran modular memberikan kebaikan kepada pelajar (Noor Lela Ahmad,



Rohaila Yusof, & Rosmini Ismail, 2017). Maka, rombakan dalam sistem penilaian membolehkan pelajar mengetahui keputusan peperiksaan Semester 1 ketika berada di Semester 2 yang boleh mempengaruhi keputusan pengekalan pelajar. Justeru, pemboleh ubah tambahan ini dimasukkan dalam kajian pengekalan pelajar supaya dapat diuji bagi konteks kajian Malaysia seiring dengan transformasi pendidikan lepas menengah.

Justeru, literatur terdahulu seperti mana yang dibincangkan telah menyediakan ruang yang sesuai bagi membolehkan pengkaji menguji setiap faktor yang diketengahkan dan menentukan hubungannya dengan pengekalan pelajar di institusi pengajian prauniversiti.



1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka teori kajian yang dibincangkan, pembangunan kerangka konseptual kajian dimulakan dengan pengkategorian setiap pemboleh ubah kajian yang mana merujuk kepada Model Tinto (1993) dan kajian-kajian literatur terdahulu yang berkaitan. Beberapa dimensi asal yang terdapat dalam model berkenaan juga digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dalam menyediakan kerangka konseptual kajian ini. Sebagai penyesuaian kajian ini, pengkaji melakukan sedikit pengubahsuaian agar selari dengan objektif kajian. Justeru, kerangka konseptual kajian adalah bersandarkan isu utama kajian iaitu pengekalan pelajar prauniversiti di Selangor, Malaysia.



Antara dimensi yang dikenal pasti dan menjadi fokus dalam kajian ini bagi dimensi pengekalan pelajar prauniversiti ialah faktor (1) ciri latar belakang individu, (2) komitmen individu, (3) integrasi akademik, (4) integrasi sosial, (5) komitmen institusi dan (6) sistem pembelajaran modular. Kesemua enam faktor ini merupakan pemboleh ubah tidak bersandar dan pengekalan pelajar prauniversiti pula merupakan pemboleh ubah bersandar.

Pemboleh ubah bersandar ini ditentukan melalui pengiraan skor min. Setiap skor dalam skala likert lima (5) mata diklasifikasikan mengikut skor min. Skor min yang diperoleh adalah antara minimum 1.00 dan maksimum 5.00. Pengkaji menetapkan garis panduan titik pemisah atau *cut off* tafsiran nilai bagi skor min antara 1.00 hingga 3.00 dan 3.01 hingga 5.00 untuk menentukan sama ada pelajar kekal atau sebaliknya. Berdasarkan kajian literatur pengukuran pemboleh ubah bersandar dalam kebanyakan kajian pengekalan pelajar juga dikenal pasti bersifat *binary* atau *dichotomous* (Woods, 2016; Swafford, 2017; Chrysikos et al., 2017; Phekni, 2018; Lou et al., 2020; French, 2018; Freeman, 2018).


Summerskill (1962) dalam kajiannya pula mencadangkan akan perlunya formula standard untuk mengukur pengekalan pelajar supaya kadar yang dilaporkan dapat dibandingkan dengan tepat. Namun, menurutnya walaupun setelah empat dekad kemudian formula standard masih belum diterima secara universal. Menurutny, dalam setiap jenis institusi kadar pengekalan pelajar bervariasi antara 18% hingga 88%. Oleh itu, beliau merumuskan dalam kajiannya bahawa pengekalan wujud dalam satu rangka iaitu pelajar sama ada kekal atau tidak di institusi pengajian.

Berdasarkan Model Tinto (1993) dan kajian-kajian literatur, maka terbentuk kerangka konseptual kajian ini. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang mendasari kajian ini.

Pemboleh ubah Tidak Bersandar

Pemboleh ubah Bersandar

(Model Integrasi Pelajar Tinto, 1993)



Rajah 1.4. Kerangka Konseptual Kajian

1.9 Definisi Operasi

Bahagian ini menerangkan definisi bagi setiap terma yang digunakan bersesuaian dengan konteks kajian penyelidikan. Berikut adalah definisi operasi pemboleh ubah dan terma yang digunakan bagi kajian ini.



1.9.1 Pelajar Prauniversiti

Pelajar prauniversiti atau dikenali sebagai pelajar tingkatan enam merupakan antara pelajar Pendidikan Lepas Menengah (PLM). PLM ialah pendidikan yang disediakan untuk seseorang yang sudah tamat mengikuti pendidikan menengah atas tetapi tidak termasuk pendidikan tinggi. PLM yang disediakan ialah Tingkatan Enam, Pendidikan Matrikulasi dan Pendidikan Guru di Institusi Pendidikan Guru (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017).

Pendidikan tingkatan enam merupakan pendidikan lepas menengah yang dilaksanakan di sekolah menengah bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelajar tingkatan enam menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). STPM merupakan salah satu kelayakan yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat tertiar di dalam negara. STPM juga diterima sebagai syarat kemasukan terus ke institusi pengajian tinggi di luar negara untuk ijazah pertama setaraf dengan kelayakan seperti 'A' level (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2017).

Oleh itu, PLM disediakan kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang layak. Pelajar prauniversiti dalam kajian ini merujuk kepada pelajar tingkatan enam yang belajar di sekolah menengah dan mengikuti pendidikan lepas menengah di kolej-kolej dan pusat-pusat tingkatan enam yang terletak di negeri Selangor.



1.9.2 Pengekalan Pelajar

Pengekalan bermaksud mengekalkan status berdaftar untuk semester berikutnya (Mosley, Baldwin, Ironstrack, Rousmaniere, & Burke, 2016). Pengekalan pelajar bermaksud pelajar kekal dan secara konsisten dari mula mendaftar dan melalui sepanjang perjalanan sehingga tamat pengajian (Manyanga et al., 2017). Menurut Kerby (2015) pengekalan pelajar adalah keupayaan institusi untuk mengekalkan pelajar dari mula berdaftar sehingga bergraduan.

Pengekalan pelajar ditakrifkan sebagai enrolmen berterusan pelajar dari satu semester ke semester berikutnya (Braxton & Hirschy, 2005). Pengekalan pelajar dijelaskan apabila seseorang pelajar itu terus mengikuti pengajian di institusi yang didaftarkan dari satu semester ke semester berikutnya ataupun dari satu tahun ke tahun akhir pengajian (Tinto, 1993). Oleh itu, pengekalan pelajar dalam konteks kajian ini ialah pelajar sama ada kekal atau tidak di kolej atau pusat pengajian tingkatan enam yang sama sehingga tamat pengajian.

1.9.3 Latar Belakang Individu

Menurut Tinto (1993), apabila seseorang pelajar memasuki institusi pengajian yang didaftarkan membawa bersama-sama satu set ciri atribut kemasukan dan ciri atribut ini menggabungkan ciri latar belakang pelajar. Ciri-ciri latar belakang termasuk jantina, bangsa, umur serta kebolehan dari segi kelayakan dan pencapaian (Kerby, 2015). Menurut Tinto (1993), seseorang individu masuk ke institusi pengajian dengan



latar belakang keluarga yang berbeza dan biasanya diukur berdasarkan status sosio ekonomi dan pendidikan ibu bapa. Menurutnya, kemahiran dan kebolehan adalah berdasarkan kelayakan dan pencapaian di tempat belajar yang biasanya diukur melalui purata mata gred di sekolah semasa persekolahan terdahulu.

Oleh itu, dalam konteks kajian ini atribut kemasukan termasuk jantina dan bangsa. Jantina merujuk kepada lelaki atau perempuan. Bangsa pula ialah Melayu, Cina, India atau lain-lain bangsa. Pendapatan ibu bapa dan taraf pendidikan ibu bapa bermaksud pendapatan bapa dan ibu manakala taraf pendidikan ibu bapa merujuk sama ada mempunyai pendidikan peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, diploma atau universiti. Pencapaian pula dalam kajian ini merujuk kepada nilai Gred Purata Akademik (GPA) yang diperolehi pada Semester 1 pengajian di prauniversiti.



Jurusan pula dalam kajian ini merujuk kepada jurusan sains ataupun kemanusiaan manakala mod pengajian merujuk kepada mod pengajian prauniversiti iaitu Mod 1, Mod 2 dan Mod 3.

1.9.4 Komitmen Individu

Pelajar memiliki kemahiran, abiliti dan pengalaman daripada persekolahan terdahulu yang dibawa bersama-sama ke institusi pengajian untuk memberikan komitmen di institusi pengajian (Chrysikos et al., 2017). Pelajar menyedari apa yang mereka mahukan untuk dicapai pada tahun pertama akademik dengan memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk meneruskan pengajian (Chrysikos et al., 2017; Kerby 2015). Matlamat dan komitmen individu boleh sama ada menyokong atau mempunyai



pengaruh negatif ke atas niat pelajar yang akhirnya dibuat keputusan sama ada terus kekal atau sebaliknya (Tinto, 1993). Oleh itu, komitmen individu dalam kajian ini bermaksud niat dan matlamat yang ditunjukkan oleh pelajar untuk meneruskan pembelajaran sehingga tamat pengajian di kolej atau pusat pengajian Tingkatan Enam.

1.9.5 Integrasi Akademik

Program yang menggalakkan integrasi akademik dan penglibatan pelajar dalam kegiatan akademik dapat menggalakkan pelajar untuk berinteraksi dengan sistem pengurusan akademik di institusi pengajian (Demetriou & Schmitz-sciborski, 2011). Interaksi ahli fakulti mempengaruhi perkembangan akademik dan intelektual pelajar

secara langsung (Tinto, 1975).

Perkhidmatan sokongan akademik dikaitkan dengan pembelajaran yang menyebabkan pelajar lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam akademik dan akhirnya berjaya (Tinto, 1993). Keputusan peperiksaan dan pembangunan intelektual pelajar dikatakan sebagai matlamat sama ada untuk meneruskan pembelajaran atau pun keluar sebelum menamatkan pengajian (Aljohani, 2016).

Oleh itu, integrasi akademik dalam kajian ini membawa maksud pengalaman pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pembelajaran yang menyokong pembangunan intelektual pelajar untuk berjaya.

1.9.6 Integrasi Sosial

Tindakan integrasi sosial pelajar dalam sebuah komuniti kampus telah ditunjukkan sebagai proses kumulatif yang penting bagi pelajar-pelajar untuk menyambung kepada budaya kampus dari peringkat awal (Kerby, 2015). Menurutnya, keterlibatan dalam tradisi sosial kampus akan membolehkan integrasi sosial pelajar bertambah. Hubungan sosial antara interaksi rakan dan interaksi luar iaitu bersama-sama ahli komuniti dalam fakulti mempengaruhi budaya integrasi sosial (Pascarella & Terenzini 1980). Tahap integrasi sosial yang lebih tinggi boleh menyebabkan tahap kegigihan pelajar juga menjadi lebih tinggi (Tinto, 1993). Oleh itu, integrasi sosial dalam kajian ini bermaksud integrasi pelajar dengan semua ahli komuniti dalam fakulti dan rakan sebaya secara formal dan tidak formal di kolej atau pusat pengajian Tingkatan Enam.

1.9.7 Komitmen Institusi

Matlamat dan komitmen institusi adalah untuk memastikan tidak berlaku keciciran pelajar atau tidak kekal sehingga bergraduan (Chrysikos et al., 2017). Institusi perlu merancang strategi pengekalan pelajar bagi membolehkan perspektif institusi dan kewangan institusi sentiasa kekal (Hlinka, 2017). Komitmen institusi merujuk kepada bagaimana institusi boleh menerima kepelbagaian pelajar dan mempromosikan kepelbagaian budayanya dalam budaya kampus untuk menggalakkan pengekalan pelajar tanpa berlaku keciciran pelajar (Tinto, 1993). Oleh itu, komitmen institusi dalam kajian ini bermaksud strategi kolej atau pusat pengajian tingkatan enam untuk



mengekalakan pelajar tanpa berlaku keciciran dengan memastikan pelajar berjaya akhirnya di institusi pengajian tersebut.

1.9.8 Sistem Pembelajaran Modular

Sistem pentaksiran di prauniversiti mengalami perubahan daripada sistem terminal kepada sistem modular. Sistem Pentaksiran Baharu Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) terbahagi kepada dua bentuk penilaian iaitu penilaian berdasarkan peperiksaan akhir dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018). Tempoh pengajian dalam sistem modular di peringkat prauniversiti adalah selama 1½ tahun yang merangkumi tiga (3) semester. Peperiksaan akhir yang dijalankan sebanyak tiga kali dalam tempoh tiga semester pengajian dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). PBS dimasukkan dalam penentuan pencapaian prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir mengikut nilai wajaran tertentu mengikut mata pelajaran. Keputusan keseluruhan peperiksaan STPM ditentukan berdasarkan gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga peperiksaan semester dalam sistem modular (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018).

Pelaksanaan kerja kursus yang terdiri daripada kerja projek, kajian luar dan kerja amali dilaksanakan mengikut keperluan mata pelajaran. Pelaksanaan komponen kerja kursus ini secara langsung mempromosi kaedah pembelajaran aktif (Ramlee Ismail & Khoo, 2020; Ginsburg, 2009). Soalan atau tugas kerja kursus disediakan oleh MPM dan pemeriksaan PBS dibuat oleh guru mata pelajaran itu sendiri. Pihak MPM menjalankan pemantauan dan penyelarasan di peringkat zon atau pusat. Bagi





menjamin kualiti PBS, satu garis panduan PBS disediakan oleh MPM sebagai panduan dan rujukan bagi setiap mata pelajaran (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2018).

Dalam konteks kajian ini, sistem pembelajaran modular bermaksud strategi kolej atau pusat pengajian Tingkatan Enam untuk membimbing pelajar dalam penilaian berdasarkan peperiksaan akhir dan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) supaya pelajar dapat merancang sistem pembelajaran dengan baik.

1.10 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian yang dijalankan ini dapat menjelaskan keadaan sebenar berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti di negeri Selangor. Oleh itu, hasil dapatan kajian boleh dijadikan sebagai bahan sokongan dan rujukan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar. Kesemua pihak tersebut akan mendapat informasi dalam merancang dan menyediakan strategi serta program-program pengekalan pelajar di institusi pengajian masing-masing.

Kajian ini juga penting kerana selari dengan kehendak aspirasi yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2015) bagi mencapai aspirasi tinggi di tengah-tengah persekitaran global yang berdaya saing, negara memerlukan transformasi sistem pendidikan secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi rujukan kepada KPM agar dapat merancang





pengajian prauniversiti dengan lebih mantap kerana segala maklumat yang diperolehi akan dapat membantu pada peringkat perancangan dan dasar pendidikan.

Kementerian juga akan dapat memaksimumkan keberhasilan pelajar bagi setiap ringgit melalui pendidikan berkualiti di semua peringkat seperti yang digariskan dalam anjakan ke sepuluh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Anjakan ini dapat menggalakkan pihak kementerian untuk terus melakukan pelaburan yang bersesuaian bagi melaksanakan transformasi dalam sistem pendidikan kerana dapat mengaitkan setiap program kepada keberhasilan pelajar yang jelas. Justeru, kementerian akan dapat memanfaatkan peluang dengan mengagihkan peruntukan kepada bidang kritikal seperti peningkatan kemahiran dan latihan guru kerana setiap ringgit yang dibelanjakan harus mendapat pulangan yang maksimum.



Pihak Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) akan dapat memperhalus dan merangka suatu langkah susulan untuk mempertingkatkan kadar pengekalan pelajar di institusi pengajian prauniversiti dan seterusnya merancang strategi yang membolehkan pelajar kekal sehingga menamatkan pengajian di prauniversiti. Ini adalah kerana implikasi, trend dan iklim negara dengan sistem pendidikan berasaskan pengetahuan memerlukan pelajar untuk bergerak dengan cepat melalui proses penyesuaian sehingga bergraduan di institusi pengajian bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar.

Selain itu, kajian ini boleh dijadikan asas dalam penentuan dan pelaksanaan polisi yang wajar bagi masa hadapan STPM. Segala input dan data yang berkaitan akan dapat membantu Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) meningkatkan lagi





permintaan dan penawaran program Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dari segi kepelbagaian bidang yang sesuai diamalkan dalam konteks Malaysia.

Selain input kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), hasil data empirikal dalam kajian ini juga dapat membantu ahli akademik dan penyelidik lain untuk menilai serta meneliti dapatan kajian bagi membuat kajian seterusnya dalam bidang ini. Maklumat daripada kajian ini juga bermanfaat untuk membantu penyelidik bagi mengisi jurang kajian yang masih belum dipenuhi dan dikembangkan lagi dalam kajian di Malaysia.

Walaupun kajian-kajian telah dijalankan terutamanya di institusi pendidikan swasta di Malaysia, namun masih terdapat ruang-ruang yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu yang telah mendorong pengkaji untuk melihat aspek-aspek tersebut. Selain itu, masih tiada lagi kajian yang dijalankan di negara kita sejak kebelakangan ini berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pelajar prauniversiti. Kajian ini memberikan usaha untuk merapatkan jurang kajian yang berkaitan dengan pengekalan pelajar bagi konteks Malaysia. Justeru, hasil dapatan ini bermanfaat untuk membantu penyelidik lain bagi mengembangkan ilmu pengetahuan bagi meneroka secara mendalam faktor-faktor pengekalan pelajar di institusi pengajian.

Dapatan kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada kajian literatur dengan menyediakan kajian awal dalam pengkajian berkaitan teori pengekalan pelajar di institusi pengajian prauniversiti. Malah dapat menyumbang kefahaman kepada penyelidik tentang kepentingan kajian berkaitan pengekalan pelajar adalah perlu





dijalankan di Malaysia memandangkan masih terdapat jurang kajian yang masih belum dipenuhi.

1.11 Batasan Kajian

Pemilihan sampel dalam kajian ini terbatas kepada sampel kajian yang dipilih dalam kalangan pelajar-pelajar prauniversiti Semester 2 yang berada di Kolej Tingkatan Enam Mod 1, Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam Mod 3 di negeri Selangor sahaja setelah dibahagikan mengikut zon geografi seperti zon utara, zon tengah, zon timur dan selatan di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar prauniversiti di seluruh Malaysia.



Pemilihan sampel dalam kajian ini melibatkan pelajar-pelajar prauniversiti di Kolej Tingkatan Enam Mod 1, Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam Mod 3 yang berada pada semester 2 tahun pertama pengajian. Rasionalnya adalah kerana pelajar-pelajar ini telah memperoleh keputusan peperiksaan Semester 1 yang akan mempengaruhinya sama ada kekal atau sebaliknya di peringkat pengajian prauniversiti.

Menurut Tinto (1993), beliau memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pengalaman tahun pertama pengajian di kolej atau universiti kerana ketika itulah bilangan pelajar paling ramai yang akan membuat keputusan sama ada akan kekal atau tidak kekal di institusi pengajian yang didaftarkan. Sebahagian besar teori dan penyelidikan pengekatan atau pengurangan pelajar telah menumpukan pada





pengalaman tahun pertama pengajian (Denson & Bowman, 2015). Menurut Chrysikos et al. (2017) pula, ketika pelajar-pelajar berada pada Semester 2 pengajian pelajar-pelajar ini mempunyai cukup masa untuk mengembangkan pengalaman akademik dan sosial dalam mempertimbangkan keputusannya.

Responden kajian ini melibatkan responden yang belajar di sekolah harian biasa iaitu pelajar-pelajar dari Kolej Tingkatan Enam Mod 1, Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam Mod 3 yang mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan tidak melibatkan responden dalam kalangan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Ini adalah kerana STAM dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti Al-Azhar, Mesir. STAM bertujuan menggantikan peperiksaan persendirian yang diwujudkan sebelum ini iaitu Sijil Tinggi Kolej dan Sijil Tinggi Ugama (Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM, 2017).

Penyelidikan dalam kajian ini hanya melibatkan pemboleh ubah tertentu yang mewakili model kajian dan berkemungkinan terdapat sub pemboleh ubah kajian yang lebih sesuai untuk dijadikan sebagai model kajian. Selain itu, analisis data yang dilaksanakan dalam kajian ini adalah berdasarkan data-data yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu sahaja. Justeru, generalisasi yang bakal dibuat berkaitan dengan kajian ini adalah terbatas pada tempoh masa tersebut sahaja dan dalam kalangan sampel yang terpilih sahaja.



1.12 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah memperjelas tentang latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian. Terdapat tujuh (7) objektif kajian dan 15 soalan kajian serta 15 hipotesis kajian yang dibentuk bagi memberikan panduan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini. Selain itu, kerangka teoritikal kajian dan cadangan kerangka konseptual kajian juga telah dicadangkan di samping diperjelas tentang konsep-konsep yang berkaitan dengan definisi operasi. Kepentingan kajian dan batasan kajian juga dihuraikan. Setelah semua konsep dijelaskan, maka kajian ini menganalisis dan menghuraikan terus segala isu dalam kajian supaya memberikan input yang berguna mengenai kandungan kajian ini dalam bab yang seterusnya.